

# Saya timbalan yang berkhidmat – Palani

UM-25/6/2006

KUALA LUMPUR 24 Jun - Timbalan Presiden MIC yang baru dipilih, Datuk G. Palanivel malam ini menyifatkan kemenangan beliau merampas jawatan daripada penyandang sejak sekian lama Datuk S. Subramaniam sebagai satu kemenangan bagi parti.

"Saya tetap rendah hati walaupun dengan kemenangan ini. Ia milik parti," katanya secara spontan selepas keputusan pemilihan diumumkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu menewaskan Subramaniam dengan majoriti besar 438 undi.

Bekas wartawan yang bertukar menjadi ahli politik berusia 57 tahun itu memperoleh 933 undi berbanding 495 undi oleh Subramaniam yang telah memegang jawatan nombor dua sejak 1981.

Mengenai tindakan beliau selanjutnya, Palanivel, lebih mesra dengan panggilan "GP" dalam kelompok MIC, berkata: "Saya akan berbincang dengan presiden saya (Datuk Seri S. Samy Vellu) mengenai apa yang beliau mahu saya lakukan. Paling penting saya akan

menjadi seorang timbalan yang akan berkhidmat."

Mengenai sama ada akan berlaku perpecahan dalam parti berikutan keputusan pemilihan itu, Palanivel berkata anggota gembira dengan keputusan itu dan dengan itu persoalan perpecahan di kalangan anggota parti tidak timbul.

Palanivel, yang merupakan "pilihan" Samy Vellu bagi jawatan timbalan presiden, menjadi naib presiden pada 1994 dan telah memegang jawatan itu bagi empat penggal berturut-turut.

Beliau menyertai parti politik kaum India terbesar di negara ini pada usia muda 19 tahun dan dipilih menjadi setiausaha bahagian Petaling pada 1972 dan seterusnya dipilih memegang jawatan lebih tinggi.

Beliau bertanding dan memenangi kerusi Parlimen Hulu Selangor atas tiket Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum 1990 dan telah menjadi anggota Parlimen kawasan itu sehingga sekarang.